Headline	SELANGKAH TNB RAIH TREBLE		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	45
ArticleSize	368 cm²	Journalist	Aida Adilah Mat
PR Value	RM 43,491		

SELANGKAH TNB RAIH TREBLE

THT mahu pertahankan piala, sedia saingan sengit bertemu seteru

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) seharusnya tidak mensia-siakan peluang melakar sejarah dalam saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) apabila berpeluang cerah meraih kejayaan treble buat kali pertama.

Hanya tinggal selangkah lagi untuk pasukan itu merealisasikan sasaran apabila turun pada perlawanan akhir Piala TNB 2024 menentang seteru utama Terengganu Hockey Team (THT) di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, malam ini.

Kesungguhan TNB memburu kejayaan treble terserlah dan mereka hampir menjaringkan 100 gol keseluruhan dalam saingan musim ini.

Saling mengenali kekuatan dan kelemahan masing-masing selepas dua edisi berturut-turut mempertemukan kedua-dua pasukan, jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin mengakui final kali ini tidak mudah dan kesilapan dalam perlawanan memisahkan pasukan juara dan naib juara.

"Saya harap pemain dapat turun memberikan yang terbaik. Jangan bagi peluang kepada lawan dan guna sebaik mungkin peluang terhidang untuk jaringkan gol.

> **"THT turun sebagai underdogkami tahu persiapan lawan lakukan**
> *Fitri Saari*

"Jika ada peluang mereka kena jaringkan gol sebab semua pemain bukan hanya untuk TNB tapi mereka berpeluang membuktikan mereka layak beraksi bersama pasukan kebangsaan," katanya.

Untuk rekod TNB adalah juara 2022 menewaskan THT 3-2, namun tewas kepada THT tahun lalu juga dengan jaringan sama.

Sementara itu, kapten pasukan THT, Fitri Saari mengakui TNB pasukan pilihan untuk musim ini dan kehadiran pemain import dari Korea Selatan, Jang Jong-hyun antara kekuatan utama dimiliki lawan.

Namun, selaku juara bertahan, THT tidak mengalah dan cuba mempertahankan piala dimenangi tahun lalu.

"THT turun sebagai *underdog* kami tahu persiapan lawan lakukan, tapi THT juga ada kombinasi pemain berpengalaman jadi kami cuba terbaik dalam setiap minit.

"Kita tahu mereka ada Jang yang mana pada aksi separuh akhir Jang jaringkan lima PC (pukulan sudut penalti) jadi untuk final ini kalau boleh kena elak bagi PC untuk lawan," katanya.

NOR Saiful Zaini

JADUAL LIGA HOKI MALAYSIA

HARI INI

PIALA TNB
FINAL

Terengganu Hockey Team (THT)
mln
Tenaga Nasional Berhad
Stdm Hoki Nasional Bukit Jalil (padang 1) 8:30 malam

TEMPAT 3/4
Maybank **mln** UTIM HA-KPT
Stdm Hoki Nasional Bukit Jalil (padang 1) 4 petang

PIALA VIVIAN MAY SOARS 2024
FINAL

Liaoning Women Hockey Team
mln
Malaysian University
Stdm Hoki Nasional Bukit Jalil (padang 1) 6 petang

TEMPAT 3/4 :
PDRM Blue Warriors
mln
Negeri sembilan
Stdm Hoki Nasional Bukit Jalil (padang 2) 4 petang

Powered by: isentia